
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

BAT 201/3 - Limnologi

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Bincangkan dengan terperinci kitaran nitrogen dalam sebuah empangan dan peranan manusia dalam mengubahsuai kitaran tersebut.
(20 markah)

2. Berikan perbezaan antara yang berikut:
 - (a) Persekitaran lentik dengan persekitaran lotik.
(10 markah)
 - (b) Empangan dengan tasik.
(10 markah)

3. Bincangkan konsep Kesenambungan Sungai (River Continuum Concept) dan dua jenis variasi konsep tersebut untuk ekosistem sungai.
(20 markah)

4. Huraikan dengan terperinci profil keluk oksigen terlarut dan bincangkan bagaimana keluk-keluk tersebut terhasil.
(20 markah)

5. Huraikan dengan terperinci pengelasan tasik berasaskan kitaran air tahunan.
(20 markah)

6. Bincangkan faktor-faktor dan proses-proses yang mempengaruhi tahap eutrofikasi sesuatu takungan (reservoir).
(20 markah)